

Jenis Akhbar : Berita RTM

Tarikh : 14/03/2025

Edisi / Muka Surat : <https://berita.rtm.gov.my/>

Tajuk : 3500 bekas bubur lambuk diagihkan dalam Program Mawaddah Rahmah Ramadan

## 3500 bekas bubur lambuk diagihkan dalam Program Mawaddah Rahmah Ramadan



3500 bekas bubur lambuk diagihkan dalam Program Mawaddah Rahmah Ramadan

PUTRAJAYA, 13 Mac- Sebanyak 3,500 bekas bubur lambuk dimasak dan diagihkan dalam Program Mawaddah Rahmah Ramadan yang bertemakan "Semangkuk Bubur Sejuta Ukhwah" anjuran Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dengan kerjasama Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) di Putrajaya.

Selain itu, 150 bakul Ramadan berisi barangan keperluan asas turut disumbangkan kepada golongan yang memerlukan bagi meringankan beban sepanjang Ramadan.

Presiden ANKASA, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, program tahun ini merupakan edisi keempat sejak diperkenalkan pada 2022.

"Usaha ini bukan sahaja untuk mempromosikan ANKASA dan gerakan koperasi, tetapi juga untuk membuktikan bahawa koperasi bukan sekadar entiti perniagaan, malah turut melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) demi kesejahteraan masyarakat," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Abdul Fattah, usaha ini juga diperluas ke agensi lain serta rakan-rakan media di seluruh negara, dengan menghantar Bakul Ramadan kepada petugas media yang memerlukan.

Program ini turut mendapat sokongan daripada rakan strategik, termasuk Adabi, yang menyumbang bahan-bahan masakan bagi menjayakan penyediaan bubur lambuk.

“Kami berharap sumbangan ini dapat menceriakan penerima serta membantu mereka menjalani ibadah Ramadan dengan lebih tenang dan fokus,” tambahnya.

Program ini dijangka diteruskan dan diperluas pada masa hadapan dengan lebih banyak penyertaan daripada pelbagai agensi serta pihak berkepentingan.